

## ULASAN BUKU

Negeri Santubong: Sejarah Awal Sarawak  
300ESS-1647ES  
Sanib Said  
Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak

Diulas oleh Prof. Dr Haji Awg Asbol bin Haji Mail  
Program Pengajian Sejarah dan Antarabangsa  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial /Akademi Pengajian Brunei  
Universiti Brunei Darussalam Negara Brunei Darussalam  
10 Januari 2022

Kajian Negeri Santubong: Sejarah Awal Sarawak, 300ESS (Era Sebelum Sekarang) - 1647ES (Era Sekarang) yang ditulis oleh Sanib Said setebal 271 halaman mengandungi 11 bab yang fokus utama pembicaraannya menegaskan tentang Santubong merupakan sebuah kerajaan Melayu awal yang ditubuhkan oleh Datu Marapati. Tempoh kewujudan kerajaan ini di sekitar tahun 300ESS hingga 1647ES. Santubong ialah sebuah daerah di Negeri Sarawak yang di dalamnya terdapat sebuah Gunung Santubong sekarang terkandung dalam Bandar Raya Kuching. Dalam merakamkan satu-satu peristiwa bersejarah sesebuah negeri dalam bentuk kajian hingga lahir sebuah buku bukanlah satu kerja yang mudah, lebih-lebih lagi apabila negeri yang dibicarakan sudah lama pupus dalam ingatan masyarakat. Atas sebab ini, berbagai cabaran dan rintangan telah dihadapi oleh penulis dalam merealisasikan kajian ini sebagai sebuah buku. Bagaimanapun, dengan berbekalkan semangat kental yang tidak pernah tumpul dalam jiwa penulis, maka segala hambatan dan cabaran dapat diatasi hingga menjadi kenyataan dengan terbitnya sebuah buku. Lantaran rintangan inilah penulisan buku ini mengambil masa lebih tiga dekad. Namun, usaha ini berbaloi apabila kemunculan buku ini menjadi sebuah naskhah karya sejarah awal yang mampu merombak liku-liku pensejarahan Sarawak dan Melayu umumnya.

Dalam membuktikan adanya sebuah kerajaan yang dikenali sebagai Negeri Santubong yang ditubuhkan oleh seorang tokoh pemimpin bangsa Melayu, antaranya pengkaji telah melihat bahawa sebahagian sarjana arkeologi dan ahli sejarawan menemukan bahawa Santubong pernah menjadi sebuah pelabuhan terbesar di Kepulauan Melayu dalam tempoh 300ESS hingga 1300ES. Dengan yang demikian pengkaji beranggapan bahawa di sini pernah wujud kerajaan tertua di Borneo kerana kewujudannya 300ESS. Namun ada juga sarjana berpendapat bahawa Negeri Santubong mempunyai hubungan dengan Brunei apabila dikatakan Santubong merupakan pelabuhan penting kepada empayar Brunei yang pada masa itu dikenali sebagai Po-ni.

Dalam membuktikan adanya sebuah kerajaan tua Negeri Santubong, pengkaji mengukuhkan pandangannya lagi dengan menggunakan sumber-sumber dari manuskrip tradisional yang menjadi tunggak kepada kajian dalam buku ini, iaitu Syair Negeri Santubong (1885) dan Hikayat Datuk Marapati (1932). Daripada kedua-ke dua sumber primer ini penulis berhasil menggambarkan sejarah awal kewujudan Negeri Santubong yang diasaskan oleh Datu' Marapati dan isterinya Datu' Permaisuri. Mereka mempunyai tiga orang putera dan puteri yang bernama Marapati Jipang, Dayang, Sri Bulan dan Al-Qamar. Sementara itu, sumber China pula penulis menggunakan bagi menghubungkan dan mentafsirkan nama Negeri Santubong pada zaman Dinasti Song yang digelar sebagai Sha Hu Zhong.

Selain menggunakan sumber-sumber bertulis, penulis juga banyak menggunakan sumber-sumber arkeologi yang pernah ditemui di kawasan Santubong bagi mengukuhkan pandangan dan hipotesis tentang kewujudan awal Negeri Santubong. Sumber-sumber tulisan pakar arkeologi Barat seperti Tom Harrison dan W.H. Solheim bagi memberikan pencerahan tentang adanya aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh penduduk Santubong yang memberikan petanda tentang wujudnya sebuah kerajaan di kawasan ini apabila ditemui peninggalan tahi besi sebanyak hampir 500,000 tan, jutaan dan ribuan serpihan tembikar Melayu dan serpihan tembikar China serta ratusan biji manik kaca dari pelbagai negeri di dunia. Semua ini membayangkan bahawa Santubong ialah kawasan perdagangan yang aktif. Selain itu juga, Santubong merupakan sebuah pelabuhan bandar raya yang juga mengilang barangan keluaran industri besi, manik dan tembikar.

Bagaimanapun terdapat beberapa persoalan terhadap kajian yang menjadi dapatan dalam buku ini. Antaranya ialah persoalan mengenai pengakhiran atau kejatuhan Negeri Santubong pada abad ke-14 Masihi. Apakah Santubong telah dikuasai oleh Brunei atau Sambas? Selain itu benarkah Santubong sebuah kerajaan atau hanya diperintah oleh seorang wakil sebuah kerajaan kerana Datu Marapati tidak menggunakan gelaran raja atau gelaran yang mengarah kepada seorang pemerintah sebuah kerajaan? Sungguhpun kesan-kesan arkeologi banyak ditemui di Santubong namun tiada ditemui bukti yang jelas menunjuk ke arah munculnya sebuah kerajaan dengan bukti tinggalan kesan tapak istana, makam diraja, alat-alat kebesaran diraja seperti pedang, keris mahupun mahkota. Namun persoalan ini bukanlah yang boleh mencacatkan hujah pengkaji dalam membuktikan bahawa telah munculnya sebuah kerajaan di Santubong. Tanda-tanda kewujudan sebuah kerajaan yang dipelopori oleh seorang pemimpin Melayu memang cukup jelas dan meyakinkan.

Dengan terhasilnya buku ini diucapkan tahniah dan syabas kepada pengkaji kerana telah berjaya menerbitkan kajian sebagai denai-denai awal kepada penerokaan kajian ilmiah seterusnya tentang adanya sebuah kerajaan di Santubong. Buku seperti ini amat diperlukan dan sangat berguna bagi para pengkaji dalam dan luar negeri, pelajar serta orang ramai yang ingin mengetahui sejarah awal kewujudan Negeri Santubong. Apa yang diharapkan, mudah-mudahan usaha beliau ini dapat memberikan suntikan semangat kepada para pengkaji di luar sana untuk membuat kajian lanjutan dalam menambahkan khazanah pensejarahan Sarawak dan Borneo umumnya. Kajian sejarah seperti ini sangat penting dalam memberikan pencerahan tentang adanya sebuah kerajaan awal yang wujud di Sarawak yang selama ini kewujudan kerajaan di utara Borneo ini telah didominasi oleh Kesultanan Brunei. Ia juga menjelaskan bagaimana kemampuan bangsa Melayu sebagai bumiputera rantau ini (yang beragama Islam) dalam menubuhkan pengasasan sebuah kerajaan berdaulat sebagai lambang pencapaian tamadun yang tinggi bagi bangsa ini. Usaha-usaha berterusan seharusnya dilakukan dari semasa ke semasa kerana masih banyak kerajaan-kerajaan Melayu di rantau ini masih terpinggir dari radar kajian para peneliti. Hal ini berlaku kerana maklumat mengenainya masih belum ditemui dan memerlukan usaha yang kental dengan cara *bakarih*, *bajarih baru balurih*.